

26 JUN 2003

Siti Hasmah-Sumbangan (Bergambar)

PENGHUNI RUMAH INSANIAH GEMBIRA JUMPA DR SITI HASMAH

PUTRAJAYA, 26 Jun (Bernama) -- Kegembiraan terserlah pada wajah 10 insan istimewa penghuni Rumah Insanian Dr Siti Hasmah, Petaling Jaya apabila berpeluang melawat kediaman rasmi Perdana Menteri, Sri Perdana dengan disambut oleh Wanita Pertama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini.

Mereka adalah antara 32 penghuni Rumah Insaniah itu yang hadir untuk majlis penyampaian sumbangan derma oleh sebuah pasaraya tempatan kepada rumah berkenaan.

Zuraida Ros Dzulkarnain, 42, yang sudah menetap di rumah itu sejak 10 tahun lepas berkata beliau begitu gembira dapat bertemu dengan isteri Perdana Menteri itu.

"Dia (Dr Siti Hasmah) sangat baik, tapi kalau ada peluang lepas ini saya nak jumpa dengan Dr Mahathir pula," katanya disambut dengan anggukan kepala oleh rakannya Sharifa Nooraini Mior Haniff, 31, yang tidak boleh bercakap, sebagai tanda setuju.

"Seronok sangat, ini pertama kali saya jumpa (Dr Siti Hasmah)," katanya Eda Munira Abdul Rahman, 20, pula yang berasal dari Pahang dan baru lima bulan menetap di rumah berkenaan, yang tidak berhenti tersenyum.

Dr Siti Hasmah yang meraikan kehadiran mereka ke Sri Perdana menyertai mereka untuk bersarapan dan pada majlis itu juga Tesco telah menyerahkan derma sebanyak RM50,000.

Dalam ucapan ringkas pada majlis itu, Dr Siti Hasmah yang merupakan penaung rumah berkenaan melahirkan penghargaan kepada Tesco Stores (M) Sdn Bhd yang prihatin dengan soal kebajikan disamping mengalu-alukan usaha pusat membeli belah itu memungut derma melalui pelbagai program amal untuk disumbangkan kepada badan-badan kebajikan.

Rumah Insaniah Dr Siti Hasmah ditubuhkan oleh Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan pada tahun 1988 dengan menyediakan kemudahan hostel untuk 60 orang kurang upaya disamping penyediaan kursus dan bengkel latihan serta kerja kepada mereka.

Antara kemudahan kursus yang disediakan oleh pusat itu adalah pemulihan, pemulihan kemasyarakatan, kursus menjahit, kursus pemasangan alat serta kursus pembungkusan.

Orang ramai yang membuat sumbangan boleh menghubungi mereka dengan melawat laman web www.ppoc.org.my atau datang sendiri ke alamat Lot 5364, Taman Kanagapuram, Jalan 18/22, Petaling Jaya.

-- BERNAMA

SHI AZH